# PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

## KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

16 MAC 2019
SABTU


| AKHBAR | TAJUK BERITA | M/S |
|---|---|---|
| HARIAN METRO | 113MASUK WAD | 2 |
| BERITA HARIAN | 'DAKWAAN IKAN SANGKAR MATI TAK BENAR' | 3 |
| KOSMO | JUMLAH MANGSA MENINGKAT 4,035 | 4 |
| KOSMO | ADA PENDUDUK PASIR GUDANG ENGGAN TINGGALKAN RUMAH | 5 |
| KOSMO | POLITEKNIK DITUTUP, PELAJAR TERLIBAT DIPINDAHKAN KE MERSING | 6 |
| UTUSAN MALAYSIA | KALAU TAK ISYTIHAR DARURAT, KOSONGKAN KAWASAN – TMJ | 7 |
| UTUSAN MALAYSIA | ' KAMI BERSERAH KEPADA TAKDIR' | 8 |
| UTUSAN MALAYSIA | PELAJAR POLITEKNIK DIARAH PULANG | 9 |
| SINAR HARIAN | MANGSA TERDEDAH SIANIDA? | 10 |
| NEW STRAITS TIMES | 'TOKIC FUMES CONTAIN ACRYLONITRILE' | 11 |
| THE STAR | 'RIVER UNDER CONSTANT WATCH' | 12 |
| THE STAR | OFFICIALS NOT TAKING CHANCES WITH AIR QUALITY | 13 |

# HARIAN METRO




RACUN SUNGAI KIM KIM

Ibrahim Isa, Mohd Sabran Md Sani, Mary Victoria Dass, Izlaily Nurul Ain Hussein, Hafidzul Hilmi Mohd Noor dan Amanina Suhan
am@hmetro.com.my

HARIAN METRO

MANGSA terhidu gas beracun mendapatkan rawatan kecemasan di Stadium Tertutup Majlis Perbandaran Pasir Gudang, semalam.



## 113 MASUK WAD

■ *220 mangsa gas beracun dapat rawatan susulan di HSA, HSI*

**Pasir Gudang**

Seramai 780 mangsa gas kimia dirujuk ke pusat rawatan awal, manakala seramai 220 mendapatkan rawatan susulan di dua hospital di bandar raya ini dalam tempoh 24 jam sehingga awal pagi semalam.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Pertanian negeri, Dr Sahruddin Jamal berkata, hanya 113 dimasukkan ke wad bagi menjalani rawatan lanjut.

Beliau berkata, seramai 531 mangsa mendapatkan rawatan di Hospital Sultanah Aminah (HSA) dan Hospital Sultan Ismail (HSI) sudah dibenarkan pulang ke rumah masing-masing.

Katanya, dua mangsa pencemaran gas kimia yang berada dalam keadaan kritikal sebelum ini iaitu seorang pelajar perempuan tingkatan dua dan pemandu ambulans kini dilaporkan stabil.

"Orang ramai yang ditempatkan di *Medic Base* di Dewan Taman Pasir Putih dan Dewan Taman Mawar dipindahkan ke Stadium Tertutup Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG) pada jam 6 petang semalam (kelmarin) bagi memudahkan urusan rawatan.

"Tambahan pula, Dewan Taman Pasir Putih berada dalam zon merah. Setakat 14 Mac (kelmarin), seramai 982 mangsa mendapatkan rawatan di hospital dan klinik sekitar Pasir Gudang," katanya.

Dr Sahruddin berkata, kerja-kerja pembersihan yang diselia Jabatan Alam Sekitar (JAS) dijalankan berterusan selama 24 jam.

Menurutnya, sehingga kelmarin tiada laporan mengenai pencemaran air sehingga Sungai Tiram atau laporan mengatakan ia merebak ke Johor Port.

Beliau memberitahu ketika kerja pembersihan dilakukan di Sungai Kim Kim, orang ramai dinasihatkan supaya menjauhi kawasan pembersihan.

"Petugas juga disarankan untuk mengutamakan keselamatan dengan menggunakan alat pelindung diri sepanjang proses itu.

"Malah kami menasihati orang ramai supaya tidak mudah percaya kebanyakan berita palsu yang tular di media sosial.

"Bagi mendapatkan maklumat tepat, orang ramai boleh menghubungi Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) di talian 07-2522143 atau 07-2532143," katanya.

**"Orang ramai yang ditempatkan di Medic Base di Dewan Taman Pasir Putih dan Dewan Taman Mawar dipindahkan ke Stadium Tertutup MPPG pada jam 6 petang semalam (kelmarin) bagi memudahkan urusan rawatan"**

*Dr Sahruddin*



# BERITA HARIAN



→ALAM SEKITAR

PENCEMARAN PASIR GUDANG

## 'Dakwaan ikan sangkar mati tak benar'

Kementerian tidak terima laporan pencemaran produk pertanian, makanan

**Oleh Mohd Azis Ngah dan Safeek Affendy Razali**
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menafikan laporan mendakwa ternakan ikan sangkar mati akibat pencemaran Sungai Kim Kim, Pasir Gudang, Johor.

Timbalan Menterinya, Sim Tze Tzin, berkata pihaknya tidak menerima laporan pencemaran ke atas produk pertanian atau ternakan di kawasan terbabit.

Sehubungan itu, beliau menyifatkan dakwaan yang tersebar di media sosial sebagai palsu dan tidak bertanggungjawab.

"Kerajaan serius menangani isu di Sungai Kim Kim dan banyak agensi termasuk yang dibawah kementerian ada di sana.

"Jangan laporkan sesuatu yang tidak benar, termasuk dakwaan kerajaan lambat bertindak kerana ia boleh menjatuhkan moral petugas yang bertungkus-lumus di sana," katanya selepas merasmikan Program BioUsahawan 2019 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur di sini, semalam.

### Lupus jika produk tercemar

Program BioUsahawan 2019 menyaksikan pelancaran produk milik enam syarikat berstatus Bio-Nexus dan pelancaran model Program Pembangunan Komuniti Bioeconomi (BCDP) 2.0.

Ditanya sama ada produk pertanian dan ternakan terjejas selamat dimakan, Tze Tzin berkata, pihaknya mengumpul maklumat dan memantau perkembangan semasa.

"Kita akan buat ujian makmal untuk pastikan produk tercemar tidak memasuki pasaran. Kalau tak selamat, kita hapuskan terus," katanya.

Mengulas perkara sama, Ketua Polis Negara, Tan Sri Mohamad Fuzi Harun, berkata belum ada tangkapan dibuat berhubung suspek kejadian pencemaran bahan kimia di Sungai Kim Kim.

Katanya, siasatan masih dilakukan bagi mengenal pasti pihak terbabit dan pihaknya menerima 51 laporan berhubung kejadian itu.

"Kertas siasatan sudah dibuka manakala siasatan dibuat mengikut Seksyen 278 dan Seksyen 284 Kanun Keseksaan," katanya pada sidang media Majlis Serah Terima Tugas jawatan Timbalan Ketua Polis Negara, semalam.

Beliau berkata, Polis Diraja Malaysia (PDRM) menempatkan 150 pegawai dan anggota termasuk Pasukan Gerakan Am (PGA) bagi memantau kawasan terjejas.



Kita akan buat ujian makmal untuk pastikan produk tercemar tidak memasuki pasaran"

***Sim Tze Tzin,***
*Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani*

# KOSMO









Dua pusat rawatan awal turut ditutup kerana berada dalam kawasan zon merah

## Jumlah mangsa meningkat 4,035

Oleh SHARKAWI LONDIN

**PASIR GUDANG** – Seramai 480 mangsa baharu pencemaran toksik dirujuk ke pusat rawatan awal di Stadium Tertutup Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG) sejak semalam menjadikan jumlah keseluruhan mangsa meningkat kepada 4,035 orang.

Perkembangan terbaharu itu menjadikan seramai 4,035 individu telah dirujuk untuk mendapatkan rawatan awal sejak kes pencemaran toksik di Sungai Kim Kim dikesan pada 7 Mac lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Pertanian negeri, Dr. Sahruddin Jamal berkata, daripada 480 yang dirujuk sehingga pukul 3 petang, hanya 20 individu mendapatkan rawatan lanjut di hospital.

"Sebanyak 20 mangsa itu dirujuk ke Hospital Sultanah Aminah (HSA) dan Hospital Sultan Ismail (HSI) di Johor Bahru," katanya pada sidang akhbar di Pusat Gerakan Jawatankuasa Pengurusan Bantuan Bencana di Menara Aqabah di sini semalam.




KERATAN *Kosmo!* 14 Mac 2019

Jelasnya, sehingga pukul 4 petang semalam, kerja-kerja pembersihan telah dilakukan sejauh 680 meter bermula dari lokasi pembuangan sisa kimia berkenaan.

Sementara itu, Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim menubuhkan Jawatankuasa Saintifik bagi membantu Kerajaan Negeri menyelesaikan masalah selain menangani isu pencemaran Sungai Kim Kim di sini.

Menterinya, Yeo Bee Yin berkata, penubuhan jawatankuasa itu amat perlu bagi mengetahui apakah pencetus kepada berlakunya gelombang yang berterusan selepas insiden pembuangan sisa bahan kimia di sungai berkenaan.

"Apabila kita membersihkan sungai ini, kita perlu tahu secara saintifiknya untuk memahami isu ini bagi menyelesaikan masalah yang berlaku," ujarnya.

Tambah beliau, jawatankuasa tersebut akan dipengerusikan oleh Profesor Abdul Rahim Mohd. Yusof daripada Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan dianggotai pakar-pakar dan agensi kerajaan antaranya Jabatan Alam Sekitar (JAS), Agensi Angkasa Negara (Angkasa), Jabatan Meteorologi Malaysia dan Jabatan Kesihatan dan Keselamatan Pekerja (JKKP).

**Dalam pada itu,** Jabatan Kesihatan Negeri Johor (JKNJ) menafikan satu kenyataan yang kini tular di media sosial mendakwa ada kes kematian membabitkan mangsa akibat pencemaran tersebut.



PASUKAN perubatan memberi rawatan awal kepada mangsa yang terjejas akibat pencemaran sisa kimia di Stadium Majlis Perbandaran Pasir Gudang semalam.

**INFO** Mangsa yang terima rawatan

- Sebanyak 507 mangsa masih menerima rawatan di hospital
- Sebanyak 497 mangsa ditempatkan di wad biasa
- Sebanyak 10 mangsa ditempatkan di Unit Rawatan Rapi (ICU)

**PECAHAN**

- Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru (230 mangsa)
- Hospital Sultan Ismail, Johor Bahru (109 mangsa, 10 ICU)
- KPJ Pasir Gudang (82 mangsa)
- Hospital Regency, Masai (27 mangsa)
- Hospital Penawar, Johor Bahru (7 mangsa)
- Hospital Permai, Johor Bahru (42 mangsa)



KOSMO

# Ada penduduk Pasir Gudang enggan tinggalkan rumah



KERJA-KERJA pembersihan giat dijalankan di sepanjang tebing Sungai Kim-Kim yang terjejas akibat pencemaran sisa kimia semalam.

**PASIR GUDANG** – Ketika sebilangan penduduk sekitar Pasir Gudang membuat keputusan meninggalkan kediaman mereka buat sementara waktu, ada antara mereka yang memilih untuk terus tinggal di rumah masing-masing.

Seorang penduduk yang ditemui, Osman Mohamad, 52, berkata, dia memilih untuk terus tinggal di rumahnya di Kampung Paya, Taman Pasir Putih yang hanya berjarak 20 meter daripada Sungai Kim Kim yang tercemar.

"Sekiranya diarahkan keluar, saya akan arahkan ahli keluarga lain untuk meninggalkan rumah ini buat sementara waktu, tapi saya akan tetap tinggal di sini.

"Saya akan memikul tanggungjawab untuk menjaga rumah dan kawasan perkampungan ini bagi memastikan tiada sebarang perlakuan jenayah berlaku," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Difahamkan, terdapat seramai 68 buah keluarga yang menetap di dalam kawasan kampung berkenaan.

Tambah Osman, dia dan ahli keluarganya telah mengambil kesemua langkah berjaga-jaga yang sepatutnya.

"Antara langkah yang diambil termasuklah mengurangkan aktiviti luar dan memperbanyakkan minum air.

"Selebihnya saya hanya mampu bertawakal dan reda, Alhamdulillah buat masa ini kesemua tujuh ahli keluarga saya sihat dan tidak mengalami simptom-simptom yang ditunjukkan mangsa yang terjejas," ujarnya.

Sementara itu, seorang lagi penduduk kampung tersebut, Hadelisuri Rabu, 40, turut memilih untuk terus tinggal di rumahnya.

"Buat masa ini saya akan kekal di sini kerana terikat dengan komitmen kerja," ujarnya.

# KOSMO

## Politeknik ditutup, pelajar terlibat dipindahkan ke Mersing

**PASIR GUDANG** – Politeknik Ibrahim Sultan (PIS) di sini ditutup bermula kelmarin selepas 131 penuntutnya mengalami sesak nafas, pedih mata, loya dan muntah-muntah akibat pencemaran Sungai Kim Kim.

Semua penuntut sudah diarahkan pulang ke rumah masing-masing manakala sebahagian yang tidak pulang atas beberapa faktor lain telah dipindahkan ke asrama Politeknik Mersing di Mersing.

Ketua Unit Komunikasi Korporat PIS, Abdul Razak Salim berkata, kesemua 131 penuntut yang terkesan dengan pencemaran tersebut dihantar untuk pemeriksaan lanjut di beberapa hospital kerajaan di negeri ini dan Melaka.

"Daripada jumlah itu, 13 orang telah di masukkan ke wad di beberapa buah hospital termasuk Hospital Sultanah Aminah (HSA), Hospital Sultan Ismail (HSI) selain hospital di Batu Pahat dan Hospital Segamat serta Hospital Besar Melaka.

"PIS telah menutup operasinya buat sementara waktu sehingga ada makluman terkini daripada pihak kementerian," katanya ketika ditemui di sini.

Jarak antara kawasan politeknik tersebut dengan kawasan sungai yang tercemar adalah kira-kira 5 kilometer.

Bencana alam sekitar itu turut memaksa 111 buah sekolah rendah dan menengah selain 92 tadika dan taska ditutup di daerah ini untuk keselamatan para pelajar sekali gus sebagai langkah mencegah peningkatan pesakit.



SEBAHAGIAN daripada penuntut Politeknik Ibrahim Sultan di Pasir Gudang yang dipindahkan ke Politeknik Mersing ekoran pencemaran sisa kimia.



# UTUSAN MALAYSIA



**PENCEMARAN SISA TOKSIK DI PASIR GUDANG**

## Kalau tak isytihar darurat, kosongkan kawasan – TMJ



TUNKU ISMAIL SULTAN IBRAHIM

**KUALA LUMPUR 15 Mac** - Keputusan kerajaan untuk tidak mengisytiharkan darurat bencana di kawasan Pasir Gudang mengejutkan Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail Sultan Ibrahim yang berpendapat, darurat sepatutnya diisytiharkan sejak hari pertama lagi.

"Dua ribu orang terkesan tetapi tidak perlu isytihar darurat. Wow... menakjubkan.

"Sepatutnya sejak hari pertama dah isytihar darurat dan pindahkan penduduk ke tempat lain buat sementara. Sampai dapat jaminan ia selamat," kata baginda melalui siri ciapan dalam Twitter baginda semalam.

Namun, menurut baginda, tidak mengapa sekiranya kerajaan masih tidak mahu mengisytiharkan darurat bencana tetapi kawasan tersebut mestilah dikosongkan segera.

"Tak isytihar tak apa. Tapi sekurang-kurangnya kosongkan kawasan sehingga semua stabil dan selamat," katanya.

Tunku Ismail turut meluangkan masa kira-kira setengah jam malam tadi membuat lawatan di Stadium Tertutup Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MMPG) untuk meninjau pesakit terlibat dan kelancaran operasi di stadium yang dijadikan tempat rawatan awal itu.

Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad yang juga turun padang melawat sendiri kawasan yang terjejas di Pasir Gudang semalam menyatakan kejadian tersebut belum sampai pada tahap yang memerlukan pengisytiharan darurat.

Walau bagaimanapun, menurut Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad semalam, perkara tersebut akan dibawa dalam mesyuarat Kabinet hari ini.



# UTUSAN MALAYSIA

## 'Kami berserah kepada takdir'

Oleh **MOHD. KHAIRUL MOHD. ALI**
pengarang@utusan.com.my

■ **PASIR GUDANG 15 MAC**

SEBAHAGIAN penduduk di sekitar daerah ini terutama berdekatan Sungai Kim Kim memilih untuk kekal tinggal di rumah masing-masing walaupun kualiti udara di situ boleh menjejaskan kesihatan mereka.

Mereka terpaksa membuat keputusan tersebut dan berserah kepada takdir kerana terdapat faktor lain yang perlu difikirkan jika meninggalkan rumah.


OSMAN


HADELISURI

Seorang penduduk, **Osman Mohamad**, 52, mahu terus tingal di rumahnya di Kampung Paya, Taman Pasir Putih yang hanya berjarak 20 meter dari Sungai Kim Kim.

Menurutnya, jika diarahkan pihak berkuasa untuk meninggalkan kediaman buat sementara waktu, dia akan tetap tinggal di situ.

"Sekiranya diarahkan keluar, saya akan mengarahkan ahli keluarga meninggalkan rumah ini buat sementara waktu, tapi saya akan tetap tinggal di sini.

"Saya akan jaga rumah dan kawasan kampung ini bagi memastikan tiada sebarang jenayah berlaku," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Difahamkan terdapat 68 buah keluarga yang menetap dalam kawasan kampung berkenaan.

Tambah Osman, dia dan ahli keluarganya telah mengambil kesemua langkah berjaga-jaga yang mampu dan boleh dilakukan pihaknya.

"Antara langkah yang diambil ialah kurangkan aktiviti luar dan banyak minum air. Selebihnya saya tawakal.

"Alhamdulillah buat masa ini kesemua tujuh ahli keluarga saya sihat dan tiada simptom yang ditunjukkan mangsa yang terjejas," ujarnya.

Seorang lagi penduduk, **Hadelisuri Rabu**, 40, pula melahirkan kehairanan dengan operasi pembersihan yang dijalankan pihak berkuasa.

"Saya tertanya-tanya adakah ini kerja pembersihan sungai daripada pencemaran ataupun projek pelebaran sungai sebab yang saya lihat adalah mereka mengorek tanah di bahagian tebing dan bukan dari bahagian dasarnya," katanya.

Dia juga memilih untuk kekal di rumahnya ekoran terikat dengan komitmen kerja.



UTUSAN MALAYSIA

# Pelajar politeknik diarah pulang

**PASIR GUDANG 15 Mac** – Seramai 131 penuntut Politeknik Ibrahim Sultan di sini menjadi mangsa pencemaran toksik di Sungai Kim Kim hingga memaksa politeknik itu ditutup bermula kelmarin.

Keputusan itu diambil selepas pelajar mengalami sesak nafas, pedih mata, loya dan muntah-muntah dipercayai akibat pencemaran toksik sejak Khamis lalu.

Semua penuntut sudah diarahkan pulang ke rumah masing-masing manakala sebahagian yang tidak pulang atas beberapa faktor lain telah dipindahkan ke asrama Politeknik Mersing di Mersing.

Ketua Unit Komunikasi Korporat PIS, Abdul Razak Salim berkata, kesemua 131 penuntut yang terkesan dengan pencemaran tersebut dihantar untuk pemeriksaan lanjut di beberapa hospital kerajaan di negeri ini dan Melaka.

"Daripada jumlah itu, 13 orang dimasukkan ke wad di beberapa buah hospital termasuk Hospital Sultanah Aminah (HSA), Hospital Sultan Ismail (HSI) selain hospital di Batu Pahat dan Hospital Segamat serta Hospital Besar Melaka.

"PIS telah menutup operasi buat sementara waktu sehingga ada makluman terkini daripada pihak kementerian. Para pelajar dan kakitangan sudah dinasihatkan untuk pulang ke rumah masing-masing," katanya ketika ditemui di sini hari ini.



JABATAN Kesihatan negeri melakukan pemeriksaan terhadap pelajar Politeknik Ibrahim Sultan selepas mereka mengadu sesak nafas, pening, muntah dan loya di Pasir Gudang, Johor, semalam.

Selain PIS, dua pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) Kota Masai dan Ulu Tiram di sini ditutup sejak 12 Mac lalu selepas dua pelatihnya menjadi mangsa pencemaran toksik.

Pengerusi Pembangunan Wanita dan Pelancongan negeri, Liow Cai Tung berkata, kedua-dua PDK tersebut ditutup sejak bagi memastikan keselamatan pelatih lain dan tenaga pengajarnya.

"Dua pelatih dari PDK Kota Masai yang berumur 5 tahun dan 21 tahun menunjukkan simptom selesema dan muntah-muntah. Tindakan segera yang diambil oleh cikgu-cikgu adalah membersihkan dan memandikan dua orang pelatih tersebut," katanya ketika ditemui pemberita.

Bencana alam sekitar itu memaksa 111 buah sekolah rendah dan menengah selain 92 tadika dan taska di daerah ini ditutup demi keselamatan para pelajar sekali gus sebagai langkah mencegah peningkatan penyakit.

# NEW STRAITS TIMES

NewStraitsTimes . SATURDAY, MARCH 16, 2019





*Clean-up work underway at Sungai Kim Kim in Pasir Gudang yesterday.* PIC BY MOHD AZREN JAMALUDIN

SUNGAI KIM KIM CONTAMINATION

## 'TOXIC FUMES CONTAIN ACRYLONITRILE'

Chemical compound metabolises into cyanide in the body, says expert

TEH ATHIRA YUSOF
**KUALA LUMPUR**
cnews@nstp.com.my

THE toxic fumes that engulfed several areas in Pasir Gudang contain acrylonitrile, a chemical compound which metabolises into cyanide inside the human body.

Universiti Kebangsaan Malaysia Science and Technology Faculty (chemical) senior lecturer Dr Darfizzi Derawi said this was consistent with the symptoms suffered by the schoolchildren exposed to the toxic fumes.

"Upon absorption into the bloodstream, acrylonitrile metabolises into cyanide, a gas commonly known as a silent killer. So those who are exposed to the toxic fumes will experience symptoms such as nausea and vomiting.

"The massive illegal dumping of waste caused uncontrollable pollution, which emitted toxic fumes and this was made worse by extreme heat.

"The waste contain properties which are mostly carcinogens and are harmful to humans. Long-term exposure to the toxic fumes can cause cancer," he told the *New Straits Times*.

He said the hot weather was one of the factors that sped up the vaporisation of toxic fumes, which then spread to nearby schools.

"Since we are experiencing hot weather, the waste found in Sungai Kim Kim vapourised at a faster rate. This enabled it to spread easily.

"School areas are exposed to air-borne pollutants as they are open and this was proven from the recent incidents."

Dr Darfizzi advised people in the area to stay indoors and limit outdoor activities, especially babies and young children.

He added that people should wear the R95 face masks when dealing with organic matters or oil-based substances.

The Johor government is waiting for a toxicology report from the Chemistry Department to see if there were traces of cyanide in the chemical waste dumped in Sungai Kim Kim.

State Health, Environment and Agriculture Committee chairman Dr Sahruddin Jamal said he did not wish to speculate until the results were out.

Earlier, Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad responded to a tweet asking why the government failed to issue an evacuation order considering the danger posed by the toxic fumes, but imposed a 3m distance for non-smoking areas.

He replied that volatile organic components such as benzene and toluene found in the Pasir Gudang sample were also found in cigarette smoke.

However, he said, only 5 ppm (parts per million) of hydrogen cyanide was present in the air readings of Pasir Gudang, compared with 46 ppm in every puff.



*Deputy Defence Minister Liew Chin Tong (in white shirt) visiting victims affected by toxic fumes at the Pasir Gudang Indoor Stadium in Johor Baru yesterday.* BERNAMA PIC



*A boy wearing a mask during Friday prayers at a mosque in Taman Pasir Putih yesterday.* PIC BY ADI SAFRI



# THE STAR



Reports by NELSON BENJAMIN, ZAZALI MUSA, MOHD FARHAAN SHAH, VENESA DEVI and JOSEPH KAOS JR

## 'River under constant watch'

### Teams deployed to monitor Sungai Kim Kim for contamination

**JOHOR BARU:** Teams from the Fire and Rescue Department have been deployed to monitor air, water and soil for chemical contamination near Sungai Kim Kim.

Department director-general Datuk Mohammad Hamdan Wahid said these teams were working round the clock to enable authorities to assess the situation in the affected areas.

They would collect samples from around the river as well as the nearby housing estate and public places to be analysed, he said.

Mohammad Hamdan said the department would then share the results of their findings and work with other agencies to coordinate their disaster management efforts.

"We have had personnel at the location since we responded to the distress call on March 7.

"Public safety is our paramount concern and to ensure that we have adequate personnel, we have mobilised almost 10 Hazardous Materials (Hazmat) units from around the country and deployed them to Pasir Gudang.




"We have also moved our equipment and assets to the affected areas with an operations base set up next to the red zone or Ground Zero," he said in an interview.

Emergency medical rescue service ambulances, he added, were now stationed at the Pasir Gudang indoor stadium to help with rescue and pre-medical efforts.

"The department has handled many chemical spills, but the Pasir Gudang incident involves a large area. The source and origin of the contamination is not just confined to one main spot like a gas leak.

"The affected stretch is huge and there are many types of chemicals involved," he said, adding that the task was time consuming and the clean-up cost would be high.

He also said closing schools in the vicinity was a step in the right direction as it helped to reduce the number of schoolchildren affected.

"I always believe it is better to be cautious when it comes to dealing with unknown chemicals," he said.

He noted that the unstable physical characteristics of the chemical along with the changing weather conditions, including wind directions, had also affected operations.

He said the teams would remain in Pasir Gudang for as long as they were needed and that the department was prepared for any eventuality or scenarios.

Meanwhile, during a visit to Sungai Kim Kim, *The Star* saw that a 1.5km stretch of river had been dredged in an effort to clean it.

Dozens of bags were seen being filled with the dredged silt to be transported to a safe site. At least two tractors were used in the clean-up.

At a forward base next to the river, several Department of Environment personnel, who carried out checks around the river, experienced dizzy spells and had to seek medical attention.

In **Putrajaya**, Tun Dr Mahathir Mohamad said authorities had responded satisfactorily to the incident.

The Prime Minister also commended the work of hospital staff during the crisis and pointed out that they had saved lives.

"I am satisfied with the work done to counter the effects of this poisoning. The hospital staff did a good job.

"It is unusual to have people poisoned by such chemicals. But they have prevented any death from taking place. Most of those who are still in hospital will be discharged as soon as they recover.

"Overall, I see the handling has been very good and I see no reason to announce any emergency measures," Dr Mahathir told a press conference at the Perdana Leadership Foundation here.

He also visited the scene and hospitalised victims on Thursday.

Watch the video thestartv.com






# THE STAR

## 1,500 face masks dispatched for media reps

PASIR GUDANG: The Melaka state government has dispatched 1,500 face masks to media representatives covering the Pasir Gudang chemical pollution here.

Melaka Health and Anti-Drugs Committee chairman Low Chee Leong said the gesture was to show appreciation to reporters and photographers covering the volatile situation there.

"The rescue team and pressmen were among the first to arrive at the location and are exposed to the danger of toxic fumes.

"We appreciate their contributions in providing the public with the latest developments with regards to the situation," he said.

He also expressed his disappointment over the incident which has compromised the people's health.

"All community leaders need to act as one to help each other.

"We hope that these small contributions could help media representatives to stay safe while covering ground zero," he said.

Low's special officer Alan Neh, who transported the face masks from Melaka to Pasir Gudang Indoor Stadium, hoped the items would be put to good use.

"At times like this, it is important for everyone to go hand in hand and help each other.

"I hope the public could also show their support by contributing other basic necessities needed by the victims," he said after handing over the items to media representative Norbaizura Basri, who is also Johor Bernama bureau chief.

## Officials not taking chances with air quality

PASIR GUDANG: Despite an improvement in air quality, the authorities are not taking any chances in preventing another possible wave of toxic fumes, says Yeo Bee Yin.

The Energy, Technology, Science, Climate Change and Environment Minister said about 680m of the 1.5km stretch of Sungai Kim Kim had been cleaned up so far.

"This stretch of the river is the most polluted due to illegal dumping of waste by irresponsible quarters," she told a press conference yesterday.

Yeo said the authorities used mobile detectors and the readings recorded an improvement in the air quality at the affected areas here.

"There has been a downward trend starting from Wednesday. However, we do not want to take things for granted as there is still much cleaning work to be done," she said.

Yeo also announced the setting up of a scientific committee to investigate the polluted incident more scientifically to help the state government.

She added that the committee, which is headed by a professor from Universiti Teknologi Malaysia as well as other experts, would focus on four matters: data management, prevention of future waves, environmental monitoring and groundwater and soil vapour intrusion.

State Health, Environment and Agriculture Committee chairman Dr Sahruddin Jamal said a total of 73 victims, who were being treated at Sultan Ismail Hospital and Sultanah Aminah Hospital, had been discharged.

"Up until 3pm, from a total of 480 victims who received initial treatment at the medic base at the Pasir Gudang Indoor Stadium, only 20 have been referred to hospitals for further check-ups," he said.




**Delicate task:** Hazmat personnel transporting soil samples from Sungai Kim Kim for analysis.

## TMJ: District should have been placed under emergency

PASIR GUDANG: The district should have been placed under an emergency since the first day of the chemical spill in Sungai Kim Kim, says Tunku Mahkota Johor Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim.

He wrote on Twitter that the government should have declared a state of emergency on March 7 and relocated residents to a temporary place until there was a guarantee that the area was safe.

"Not declaring is all right, but at least evacuate the area until everything is stable and safe.

"2,000 people affected and no need to declare an emergency.

"Wow. Amazing," he tweeted on his official Twitter account.

On Thursday night, Tunku Ismail visited victims being placed at the Pasir Gudang Indoor Stadium.

He added that there were some quarters who were trying to politicise the issue.

Tunku Ismail said there had been enough campaigning and that it was time to work and govern.

"Wake up! People are suffering and some dying," he said, adding that the deadly chemical cyanide was found in most of the victims.

